

Pertandingan bola jaring erat silaturahmi warga UMT

SH 31/03/08 P8 T13

Pertandingan yang dianjurkan Mutiara ini bukan hanya memberi penumpuan kepada corak permainan pemain, tetapi turut mengambil kira hubungan yang terjalin.

■ ROSHLAWATY RAEIH

KUALA TERENGGANU – Pertandingan bola jaring yang melibatkan kakitangan wanita Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Dataran Canselori UMT kelmarin dilihat sebagai pertandingan yang berjaya mencungkil bakat dan kebolehan kakitangan universiti tersebut.

Setiausaha Kelab Wanita Universiti Malaysia Terengganu (Mutiara), Wan Sarimah Wan Razak, berkata, walaupun ia dinamakan atas tiket pertandingan untuk merebut Piala Toh Puan Noor Rohani Mohd Noor, namun hubungan kekeluargaan jelas kelihatan antara satu sama lain.

"Pertandingan yang dianjurkan Mutiara ini bukan hanya memberi penumpuan kepada corak permainan pemain, tetapi turut mengambil kira mengenai hubungan yang terjalin.



Salah sebuah pasukan wanita UMT yang menyertai pertandingan bola jaring bagi merebut Piala Toh Puan Noor Rohani Mohd. Noor.

"Walaupun bagaimanapun, adat pertandingan tetap diteruskan dan pasukan yang menjadi johan akan dipilih untuk bertanding pada Kejohanan Bola Jaring Antara Institusi Pengajian Tinggi Awam tidak lama lagi," katanya.

Menurutnya, sepanjang berlangsungnya pertandingan tersebut, pihak Mutiara turut menyediakan bantuan kecemasan kepada pemain wanita yang mengalami kecederaan.

"Setakat ini, beberapa orang pemain menjalani

rawatan daripada jururawat yang bertugas.

"Difahamkan, kecederaan yang dialami hanyalah kecederaan ringan sahaja dan tidak memudaratkan," katanya.

Katanya lagi, sebanyak 12 pasukan wanita UMT dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyertai pertandingan yang diadakan.

"Insya Allah, Mutiara akan menganjurkan lagi pertandingan sebegini kerana banyak kepentingan bersama diperolehi," ujarnya.